

12/07/2003

Edisi khas MBR sempena persaraan PM

KUALA LUMPUR: Malaysia Book of Records Sdn Bhd, pencatat rekod pencapaian rakyat Malaysia, akan mencetak edisi khas buku Malaysia Book of Records (MBR) sempena persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun ini.

Pengasas MBR, Datuk Danny Ooi, berkata buku berjudul Malaysia Book of Records - Gold Edition: A Tribute to YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diterbitkan bagi memperingati perkhidmatan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang bersara Oktober ini.

Katanya, penerbitan buku itu adalah antara rancangan menarik yang akan dijalankan sempena ulang tahun kelapan pelancaran MBR tahun ini.

"Pencarian kami untuk fakta dan rekod tidak akan berakhir. Dengan berbekalkan kesabaran, kreativiti, usaha dan inovasi, kami percaya negara kita bukan saja boleh bergerak dengan perubahan masa tetapi juga mencapai standard antarabangsa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Ooi berkata, antara program yang diatur ialah meneruskan penerbitan siri televisyen MBR episod ke-13 yang dijangka ke udara sebelum akhir tahun ini.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46 tahun ini, MBR akan turut mengambil bahagian dalam acara Ambang Merdeka pada 30 Ogos dengan menjemput pemegang rekod terpilih menyertai program itu.

Ia akan menjadi perhimpunan pertama di negara ini yang menghimpunkan pemegang rekod terbaik Malaysia dalam sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46 serta mencatatkannya sebagai Perhimpunan Pemegang Rekod Teramai.

Pemegang rekod juga turut menyertai perarakan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini yang akan berlangsung di Dataran Putrajaya.

MBR juga akan meneruskan program meraikan dan memberi penghargaan kepada rakyat Malaysia yang berjaya mencatat rekod masing-masing pada peringkat negeri.